

TEKS UCAPAN

YB HANNAH YEOH

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PENGGULUNGAN BAGI PERBAHASAN KAJIAN SEPARUH
PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS
(KSP RMKe-11)**

**DI DEWAN NEGARA BAGI
MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

6 DISEMBER 2018

(KHAMIS)

MUKADIMAH

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin mulakan penggulungan ini dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam sesi Perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Oktober 2018 yang lalu.
2. Menerusi pembentangan tersebut, YAB Perdana Menteri telah antaranya mengemukakan cadangan untuk membangunkan Pelan Hala Tuju Kesejahteraan Kanak-Kanak yang bertujuan meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan dengan menggalakkan majikan menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan aturan kerja yang lebih fleksibel. Tidak terkecuali, cadangan untuk menyemak semula dasar dan perundangan berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) dan menggalakkan persekitaran penuaan yang aktif bagi warga emas. Cadangan-cadangan ini memperlihatkan komitmen Kerajaan terhadap isu-isu melibatkan kumpulan sasar di bawah Kementerian ini.

3. Kementerian ini berbangga untuk menyatakan bahawa dokumen tersebut adalah dokumen reformasi yang komprehensif dan inklusif kerana ianya menyentuh aset negara paling utama iaitu institusi keluarga, kanak-kanak, wanita, orang kurang upaya dan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan 8 isu utama. Bagi memudahkan penjelasan kepada persoalan yang dikemukakan, saya menjawabnya berdasarkan **ISU-ISU YANG TELAH DIBANGKITKAN** oleh Ahli Yang Berhormat Senator.

ISU ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Tuan Yang di-Pertua,

5. YB Dato' Ong Chong Swen, Kementerian menyambut baik cadangan untuk mengadakan kajian menyeluruh bagi melihat semula aksesibiliti di jalan-jalan dan kaki lima di bandar kerana konsep bebas halangan dan reka bentuk sejagat ini adalah elemen utama yang boleh menyokong OKU untuk bebas bergerak menjalani rutin harian.
6. Sebagai kementerian yang mempengerusikan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina, di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, kementerian ini bertanggungjawab memantau pencapaian keseluruhan tindakan oleh semua agensi pelaksana di bawah Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022. Pelan ini melibatkan pelbagai sasaran dan program OKU termasuk program-program aksesibiliti di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
7. Bagi aksesibiliti bangunan baru untuk semua golongan termasuklah OKU dan warga emas, dalam hal ini, audit akses dilaksanakan ke bangunan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan pada setiap tahun bagi memastikan ianya

mematuhi standard dan piawaian reka bentuk sejagat. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) juga telah membangunkan Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas untuk diguna pakai oleh PBT.

8. YB Senator Bathmavathi Krishnan, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) di bawah JKM sedang meminda draf Garis Panduan Pemandaran Jawatan yang telah disemak oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Ia akan dihantar semula untuk kelulusan JPA sebelum garis panduan tersebut diedarkan kepada Pihak Berkuasa Melantik dan agensi-agensinya.

9. Dalam proses penyediaan Garis Panduan, satu sesi semakan bersama agensi-agensinya telah diadakan untuk memberi pemahaman mengenai isu ketidakupayaan dalam pekerjaan. Berdasarkan sesi tersebut, halangan yang dikenal pasti adalah *nature of job* atau tugas tertentu yang menghalang OKU untuk menyandang sesuatu jawatan. Contohnya bagi jawatan Pegawai / Penolong Pegawai Perubatan, jawatan ini tidak sesuai dipertimbangkan kerana memerlukan penyandang mempunyai kemampuan fizikal dan mental untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas yang tidak membahayakan nyawa pesakit.

10. Pihak Kementerian juga menyambut baik pandangan YB Senator dan akan mencadangkan kajian tentang masalah OKU penglihatan dilaksanakan. Setakat ini seramai 752 OKU penglihatan sedang bekerja di sektor awam.

11. Untuk makluman, Kementerian telah diluluskan untuk menjalankan Kajian Peluang Pekerjaan OKU di Malaysia di bawah Rolling Plan 4, RMKe-11 pada tahun 2019 dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Melalui kajian ini, diharapkan agar Kementerian memperoleh maklumat dan input yang penting mengenai situasi industri semasa dari segi penawaran kerja dan isu-isu pengambilan pekerja OKU, serta permasalahan yang dihadapi oleh OKU untuk memasuki alam pekerjaan.

12. Dasar 1% OKU dalam Perkhidmatan Awam juga telah diperkenalkan sejak tahun 1988. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Oktober 2018 telah bersetuju agar Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mempertimbangkan pelantikan wakil OKU dalam suruhanjaya tersebut. SPA memaklumkan bahawa cadangan pelantikan wakil OKU akan dibawa untuk kelulusan YAB Perdana Menteri sebelum dibawa ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Kementerian juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak SPA dan JPA berkenaan usaha bagi meningkatkan bilangan OKU dalam perkhidmatan awam.

13. Kementerian memerlukan kerjasama setiap agensi bagi mencapai hasrat dasar satu peratus tersebut. Pelan Tindakan OKU 2016-2022 sudah merangka strategi untuk memastikan pencapaian dasar ini.
14. Berkaitan TASKA OKU, kini terdapat 6 buah NGO yang mengendalikan TASKA OKU melalui peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan. TASKA OKU dimulakan sebagai projek rintis. Walau bagaimanapun, sekiranya ada permintaan tinggi kerajaan boleh mempertimbangkan penubuhan TASKA OKU baharu.
15. Semua pengusaha TASKA OKU perlu berdaftar menurut Akta TASKA dan memenuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan termasuk latihan pengasuh.
16. YB Senator Bathmavathi, di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, Jawatankuasa Pendidikan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan sering membincangkan isu-isu

berkenaan pendidikan kanak-kanak OKU. Kementerian menyambut baik pandangan mengenai *home schooling* ini dan akan memohon perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia melihat pelaksanaan *home schooling* ini sebagai satu alternatif bagi kanak-kanak OKU.

17. Kementerian juga sedang meneliti kesesuaian beberapa cadangan rasionalisasi Institut Sosial Malaysia (ISM) bagi memperluaskan skop perkhidmatannya bukan sahaja sebagai pusat pembangunan kapasiti dalam bidang sosial tetapi juga sebagai pusat kajian dasar-dasar Kerajaan berkaitan kesemua kumpulan sasar Kementerian terutamanya OKU.
18. Berkenaan dengan isu perundangan pula, Kementerian telah mengadakan sesi konsultasi dan libat urus dengan masyarakat sivil berkenaan cadangan untuk menambah baik pelaksanaan Akta OKU 2008, yang bertujuan untuk mendapatkan input daripada NGO serta pihak-pihak berkepentingan lain.
19. Di peringkat ASEAN, Susulan daripada ASEAN Summit ke 33 pada 11-15 November 2018 dan Mesyuarat *Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD)* pada 22

November 2018, negara-negara ASEAN telah diminta untuk mengenal pasti *key action points* dalam *ASEAN Enabling Masterplan 2025: Mainstreaming The Rights of Persons With Disabilities* untuk dilaksanakan di peringkat kebangsaan sehingga tahun 2025. Memandangkan *key action points* tersebut merangkumi tiga tunggak ASEAN iaitu sosio-budaya; politik dan keselamatan serta ekonomi, Kementerian Luar Negeri sedang menyelaraskan tindakan susulan pelaksanaan *Enabling Masterplan* tersebut.

ISU

KEKELUARGAAN

Tuan Yang di-Pertua,

20. YB Senator Datuk Lim Pay Hen, YB Senator Dato' Ong Chong Swen dan YB Senator Dato' Fahariyah binti Haji Mohd Nordin telah membangkitkan mengenai kekangan wanita dalam sektor pekerjaan. Kementerian mengambil pendirian bahawa tanggungjawab menjaga anak-anak dan menguruskan keluarga adalah tanggungjawab bersama yang merangkumi suami dan isteri. Bagi menyokong ibu bapa yang bekerja, dalam Belanjawan 2019, Kerajaan telah menyediakan peruntukan kewangan bagi penubuhan TASKA di sektor awam dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Antara lain, Kerajaan juga mempertimbangkan untuk menubuhkan sebuah TASKA di Parlimen.

21. Menyedari peningkatan wanita dalam tenaga buruh dan kepentingan untuk mewujudkan sistem sokongan kepada ibu bapa yang bekerja, Kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan TASKA di kawasan-kawasan yang bersesuaian seperti tempat kerja dan kawasan perumahan.

22. YB Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menggalakkan

penubuhan TASKA di kawasan yang berkepadatan tinggi, seperti kawasan perumahan golongan B40. Walau bagaimanapun, kebenaran penubuhan TASKA dari segi penentuan lokasi, bangunan adalah tertakluk kepada kebenaran dan sokongan dari Pihak Berkuasa Tempatan. Antara usaha yang telah dilakukan agensi kerajaan adalah kewujudan Syarat-syarat Penubuhan di Bangunan Bertingkat yang dikuatkuasa tahun 2017 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. JKM juga mengadakan Mesyuarat *One Stop Center* mengikut zon dalam negeri bagi menyelaraskan isu-isu pendaftaran TASKA.

23. Bagi pengasuh pula, jumlah peserta yang telah menyertai Kursus Asuhan PERMATA sehingga 2017 adalah 14,208 orang. Manakala, peserta yang lulus adalah seramai 12,723 orang. Rekod sehingga Disember 2018, seramai 4,574 orang berkhidmat dalam TASKA mempunyai kelayakan sijil Kursus Asuhan PERMATA.
24. Pada masa yang sama, Kerajaan turut inginkan ibu-ibu yang bekerja untuk menyusui anak dengan susu ibu secara eksklusif dari lahir hingga berusia 6 bulan serta meneruskannya hingga

mencapai umur dua tahun. Perkara ini juga seiring dengan Polisi Penyusuan Susu Ibu Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Oleh itu, Kementerian menggesa agar majikan menyediakan bilik penyusuan serta mewujudkan peraturan yang memberi fleksibiliti kepada penyusuan susu ibu.

25. Kerajaan juga menggalakkan syarikat swasta untuk secara aktif menyokong penjagaan kanak-kanak dan menyediakan alternatif yang sesuai seperti yang ditawarkan oleh Kerajaan seperti cuti bersalin dan cuti paterniti. Apabila ibu bapa yakin bahawa keselamatan dan kebajikan anak-anak mereka terjamin, produktiviti di tempat kerja akan turut meningkat.
26. YB Senator Dato' Fahariyah, kemudahan *Flexible Working Arrangement* (FWA) di sektor awam diperkenalkan di Kementerian ini sejak Mac 2015 bagi memastikan pekerja mencapai keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya (*Work-Life Balance*).
27. Inisiatif FWA di Kementerian ini terbuka kepada semua pekerja yang berprestasi 85% ke atas dan tidak terhad kepada anggota wanita sahaja. FWA di Kementerian memberi fleksibiliti kepada pekerja untuk hadir dan pulang berdasarkan kepada pilihan waktu

kerja masing-masing dengan memenuhi jumlah tempoh waktu bekerja selama 38 jam dan 30 minit dalam seminggu. Melalui kaedah ini pekerja perlu berada di pejabat pada waktu teras iaitu jam 10.00 pagi hingga 3.30 petang melainkan sekiranya diarahkan bertugas luar oleh pegawai penyelia masing-masing. Pegawai juga dikehendaki bertugas di luar waktu teras sekiranya diarahkan oleh pegawai penyelia. Sehingga Julai 2018, jumlah penyertaan adalah seramai 330 orang pegawai dan kakitangan sepanjang tempoh pelaksanaannya. Jabatan Perkhidmatan Awam turut sedang mengkaji kesesuaian pelaksanaan FWA untuk perkhidmatan awam.

28. Bagi membantu majikan terutamanya dari sektor swasta melaksanakan FWA, TalentCorp menawarkan bimbingan dalam pengurusan keperluan sumber manusia. TalentCorp juga telah melancarkan portal Flexworklife.my pada 8 Julai 2013, bertujuan untuk membina rangkaian majikan dan sumber manusia bagi mengoptimumkan keseimbangan kerjaya dan kehidupan serta pada masa yang sama memaksimumkan kecekapan kerja dan meningkatkan produktiviti pekerja. Portal ini berfungsi sebagai repositori idea-idea dan amalan terbaik dalam pelaksanaan waktu bekerja yang fleksibel dan juga kemudahan sistem sokongan

keluarga. Sehingga kini, beberapa syarikat besar seperti CIMB Group, Sunway Group dan Maybank telah melaksanakan FWA.

29. YB Senator Fahariyah juga menyentuh tentang jurang gender dalam politik, Kementerian menekankan bahawa inisiatif untuk meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik.
30. Bagi menjamin kesaksamaan gender di Malaysia, Kementerian ini sememangnya berhasrat untuk menggubal Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender. Untuk tujuan berkenaan, Kementerian sedang giat menjalankan sesi libat urus bersama kementerian dan agensi Kerajaan, ahli akademik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mendapatkan input.
31. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada YB Senator Datuk Lim kerana membangkitkan isu jurang perbezaan gaji antara wanita dan lelaki. Perkara ini akan dibawa ke perhatian Kementerian Sumber Manusia untuk membetulkan keadaan berkenaan.

ISU WANITA

Tuan Yang di-Pertua,

33. YB Senator Dato' Ong, Kementerian akan melaksanakan Program Peningkatan Kemahiran Wanita menggunakan kaedah *Community Based Enterprise* (CBE). CBE adalah satu bentuk pendekatan keusahawanan yang menggunakan konsep kerjasama antara tenaga pengajar, pengusaha perniagaan, individu berkemahiran, ataupun usahawan-usahawan yang telah berjaya dalam bidang masing-masing, untuk memberikan latihan serta berkongsi ilmu bagi membantu peserta wanita, ibu-ibu tunggal dan golongan suri rumah menjana pendapatan. Selain melatih wanita dalam bidang kemahiran yang boleh dikomersialkan, mereka juga akan dilatih teknik pemasaran atas talian.
34. Untuk makluman juga, Kementerian ini prihatin terhadap keperluan perundangan yang komprehensif bagi membantu dan melindungi masyarakat terutamanya golongan wanita dan institusi keluarga.
35. Pada masa ini, masih belum terdapat perundangan khusus mengenai kesalahan *stalking*. Walau bagaimanapun, pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT) pada tahun 2017 telah

mengambil kira elemen *stalking* dengan memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga untuk turut merangkumi tindakan pelaku berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau sebaliknya. Dengan memperluaskan tafsiran tersebut, pelaku boleh disabitkan dengan perilaku atau perbuatan yang mempunyai elemen *stalking*.

36. Penggubalan peruntukan perundangan baharu memerlukan penelitian yang menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk penetapan polisi, operasi dan keadaan tempatan (*local circumstances*). Dalam hal ini, Kementerian dan Jabatan Peguam Negara sedang meneliti untuk mewujudkan peruntukan perundangan berkaitan dengan penderaan emosi, psikologi dan mental dalam Kanun Keseksaan yang mana boleh merangkumi isu *stalking*.

ISU BANTUAN / KEBAJIKAN

Tuan Yang di-Pertua,

37. YB Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun, setiap bantuan bulanan yang diluluskan adalah dalam tempoh 1 tahun sahaja dan adalah menjadi tanggungjawab penerima bantuan untuk mengemas kini maklumat melalui Borang Kaji Semula (JKM20) dalam tempoh 3 bulan sebelum tempoh bantuan tamat. Kemas kini maklumat ini perlu dilakukan oleh penerima bantuan bulanan sedia ada disebabkan keperluan berikut:

- a. Memastikan kebajikan dan kesejahteraan penerima bantuan terus terpelihara;
- b. Mendapatkan maklumat terkini terhadap sebarang perubahan terutama dari segi alamat perhubungan dan nombor telefon bagi memudahkan maklumat disampaikan;
- c. Menilai sebarang perubahan dari segi sosioekonomi penerima bantuan bagi membolehkan bantuan yang lebih baik diberikan;
- d. Secara amnya, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara. Bantuan ini merupakan satu bentuk saraan hidup bagi membantu kumpulan sasaran yang memerlukan meneruskan kelangsungan hidup. Bagi tujuan melanjutkan proses pemberian bantuan kewangan

kebajikan kepada seseorang individu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan proses kajian semula bagi membolehkan JKM membuat semakan status penerima bantuan sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia atau berpindah keluar daerah. Oleh itu, JKM dapat menentukan sama ada bantuan kebajikan masih sesuai diteruskan atau tidak bagi tempoh selanjutnya dan secara tidak langsung mengurangkan ketirisan wang kerajaan.

38. YB Senator boleh mengemukakan aduan ini secara terus kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berhampiran dengan mengemukakan senarai nama penerima bantuan yang ditamatkan atau tidak menerima bayaran bantuan bulanan secara konsisten bagi membolehkan JKM menjalankan siasatan dalaman. YB Senator juga boleh membuat aduan melalui Talian Kasih 15999 atau menggunakan perkhidmatan media sosial seperti Facebook, e-mel, SMS dan webchat sebagai saluran aduan dan pertanyaan menerusi laman sesawang Kementerian.
39. Berdasarkan statistik, sehingga 31 Oktober 2018 seramai 55,698 orang penerima bantuan telah ditamatkan kerana tidak lagi

memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan. Faktor-faktor penamatan kes adalah seperti berikut:

- a. Meninggal dunia sejumlah 15,032 kes;
- b. Mampu berdikari sejumlah 3,992 kes;
- c. Berpindah ke luar daerah sejumlah 5,073 kes;
- d. Tidak memenuhi kriteria kelayakan sejumlah 6,727 kes;
- e. Tukar skim bantuan lain sejumlah 6,010 kes;
- f. Dirujuk ke agensi lain sejumlah 39 kes; dan
- g. Lain-Lain (seperti telah pulih dari penyakit / mempunyai sumber pendapatan lain seperti pencen / PERKESO / sewa rumah sejumlah 18,825 kes.

40. YB Datin Rahimah binti Haji Mahamad, JKM tidak menyediakan bantuan kepada petani semasa musim tengkujuh. Pihak Kementerian menerusi JKM menyediakan bantuan bulanan kepada kumpulan sasaran yang miskin dan berkeperluan. Isu kebajikan sosial adalah dalam senarai bersama dalam Perlembagaan Persekutuan. Pihak negeri juga boleh memberikan bantuan dalam keadaan-keadaan tertentu. Saya menggalakkan YB-YB Senator mencadangkan perkara ini kepada negeri masing-masing.

41. YB Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa, Kementerian menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar JKM termasuklah OKU mental.

42. YB Senator Tuan Sambanthan A/L Manickam, JKM tidak mendiskriminasi golongan miskin dan berkeperluan yang memerlukan bantuan. Pertimbangan dan kelulusan pemberian bantuan adalah melalui proses siasatan serta penilaian mengikut piawaian yang konsisten.

43. Setiap permohonan yang lengkap diterima akan disiasat dan dibuat penilaian (*means-tested*) bagi mengesahkan kelayakan pemohon berdasarkan kriteria kelayakan permohonan bantuan. Mulai 1 Julai 2018, JKM telah menguna pakai Syarat kelayakan berdasarkan Garis Panduan Baru melalui surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bertarikh 29 Jun 2018. Kriteria kelayakan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) isi rumah semasa atau PGK Per Kapita semasa. PGK isi rumah semasa tahun 2014 bagi semenanjung Malaysia adalah RM930 sebulan, Sabah atau Labuan RM1,170 dan Sarawak RM990.

44. JKM turut mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan ahli isi rumah yang perlu ditanggung, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya dan faktor-faktor lain seperti KIR sebagai tahanan banduan, KIR muflis dan lain-lain faktor munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan keluarga.

ISU WARGA

EMAS

Tuan Yang di-Pertua,

45. YB Senator Datuk Ng Chiang Chin, Kementerian sedang dalam proses menyemak semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) sedia ada yang merangkumi tempoh 2011 hingga 2020 bagi menambah baik perancangan program/aktiviti serta pelaporan dan pemantauan PTWEN. Pelan Tindakan baharu akan dilaksanakan bagi tempoh 2019 hingga 2030 dan telah mengambil kira pendapatan utama Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas di Malaysia Menjelang 2030 yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia atau MyAgeing pada tahun 2017.
46. Selain itu, Kementerian juga sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan satu akta khusus untuk warga emas bagi melindungi kebajikan dan hak asasi golongan tersebut.
47. Kerajaan juga akan memulakan kajian mengenai pewujudan satu model sistem penjagaan warga emas jangka panjang yang mampan pada tahun 2019. Kajian ini akan mengambil kira

keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi dan juga di komuniti.

48. Kementerian Sumber Manusia juga baru sahaja melengkapkan satu Kajian Pembentukan Pelan Pembangunan Strategik Kebangsaan: Penggajian dan Guna Tenaga Warga Emas di Malaysia yang telah bermula pada bulan April 2018. Pelan Tindakan Kebangsaan hasil daripada kajian itu akan memberikan pilihan serta menggalakkan warga emas untuk masuk semula ke dalam alam pekerjaan (*labour force*). Kajian ini mengambil kira pandangan pihak majikan terutama dari segi penawaran pekerjaan yang sesuai untuk warga emas dan tahap kesediaan majikan untuk memberikan fleksibiliti kepada warga emas.

49. YB Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, Kementerian melalui JKM telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi menggalakkan penuaan aktif. PAWE merupakan khidmat yang bercorak *reaching out* dan *developmental* kepada warga emas dengan berganding bahu bersama agensi-agensi lain dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK). PSK ini turut diberi geran tahunan sebanyak RM33,330 setahun dalam menggalakkan

program ini digerakkan dalam kalangan komuniti. Sehingga kini, sebanyak 88 buah PAWE telah ditubuhkan di seluruh Malaysia.

50. Selain itu, Kementerian juga bekerjasama dengan NGO dan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia atau myAging dalam menjalankan program pembelajaran sepanjang hayat iaitu Universiti of The 3rd Age (U3A) bagi menggalakkan warga emas terus menimba ilmu selepas persaraan. Kementerian amat menggalakkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan kemudahan yang bersesuaian kepada warga emas dan penduduk lain untuk menjalankan aktiviti komuniti dan sosial.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua,

51. Sekali lagi terima kasih kepada keprihatinan semua Ahli YB Senator kerana telah menyatakan kerisauan, pandangan dan cadangan ke atas isu berkaitan dengan kumpulan sasar di bawah Kementerian ini. Kementerian ini menerima segala cadangan dan teguran secara terbuka, dan Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua input berkenaan.

52. Akhir sekali, saya ingin menyeru kepada semua Ahli YB Senator untuk terus menyokong usaha-usaha Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memastikan kesejahteraan rakyat terjamin.

Sekian, terima kasih.